

AB50755

R

# **PEMIKIRAN POLITIK IKHWAN AL-SAFAR'**

**OLEH**

**ISMAIL MOHAMAD**

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi  
keperluan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)  
di Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial**

**UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**1993**

Perpustakaan Universiti Malaya



A505808853

Dimikrofiskan pada 26.07.06.  
No. Mikrofis. 12941  
Jumlah Mikrofis. 6



## PENGHARGAAN

Pertama-tamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana meluluskan cuti belajar untuk saya, bagi meneruskan pengajian hingga ke peringkat Ph.D. Penghargaan yang tinggi ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim yang telah membimbang saya dalam penulisan tesis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada kawan-kawan saya di Jabatan Usuluddin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi dorongan kuat di dalam menyelesaikan kajian ini.

Akhirnya saya tujukan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pegawai-pegawai Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kedua-dua perpustakaan tersebut memberi sumbangan yang besar dalam menyediakan bahan-bahan rujukan untuk penulisan tesis ini.

ISMAIL MOHAMAD  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

1993.

## ABSTRAK

Tajuk tesis ini ialah Pemikiran Politik Ikhwān al-Ṣafā'. Ikhwān adalah sebuah gerakan politik rahsia yang bergerak cergas di Iraq di sekitar abad keempat Hijrah. Pemikiran politik mereka tidak banyak berbeza dengan pemikiran politik Syiah khususnya dalam penekanan mereka terhadap tugas al-Imām.

Ikhwān tidak menyatakan secara jelas bahawa organisasi mereka mendokong ideologi politik, tetapi ianya boleh difahami daripada ungkapan yang berbentuk kiasan dan perlambangan yang terdapat dalam tulisan mereka.

Pemikiran politik Ikhwān disalurkan melalui program dakwah dan pendidikan. Mereka menggunakan kedua-dua program ini untuk mengelakkan dari dikesani oleh pemerintah Ababsiah. Dengan alasan itu juga maka Ikhwān tidak menyatakan dengan jelas motif politik mereka dalam penulisan mereka. Inilah cara al-taqiyyah yang diamalkan oleh mereka.

Ikhwān tidak pernah memerintah mana-mana negara dalam sejarah umat Islam, kerana itu cita-cita lohor politik mereka berhubung dengan negara dan kepimpinannya pada umumnya adalah berbentuk teori. Oleh yang demikian cita-cita politik lohor tersebut sangat sukar untuk dilaksanakan di alam nyata.

## ABSTRACT

The title of this thesis is the Political Thought of the Ikhwān al-Safā'. The Ikhwān was a secret political movement which actively operated in Iraq around the fourth century after Hijrah. Their political thought was not much different, in essence, from that of Shi'ism especially in their emphasis on the function of the al-Imam.

The Ikhwān did not explicitly state that their organization was involved in political ideology, but it could be comprehended from the metaphorical and symbolic expressions in their writings.

The Ikhwān's political thought was channeled through the da'wah and educational programmes. They used these two programmes to avoid from being traced by Abbasid rulers. For the same reason the Ikhwān did not mention clearly their political motive in their works. This was the way of al-taqiyyah practiced by them.

The Ikhwān never ruled any state in the Muslim history, so their political idealism regarding the state and its leadership was mainly theoretical. Thus such idealism was very difficult to be implemented in reality.

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa kajian ini adalah hasil usaha saya sendiri kecuali beberapa nukilan petikan yang dinyatakan sumbernya.

**1993**

**ISMAIL MOHAMAD**

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>TRANLITERASI</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>BAB PERTAMA: LATAR BELAKANG KELAHIRAN IKHWĀN AL-ŠAFĀ'</b>	
1.1. Suasana di Iraq dalam Abad Keempat Hijrah	6
1.1.1. Politik	8
1.1.2. Intelektual	21
1.2 Kekaburuan Sekitar Sejarah Ikhwān al-Šafā'	38
1.2.1. Nama	39
1.2.2. Tempat dan masa	44
1.2.3. Hubungan dengan Ismailiah	54
1.2.4. Masalah Rasā'il Ikhwān al-Šafā'	64
1.2.4.1. Tujuan penulisan Rasā'il	66
1.2.4.2. Pengarang Rasā'il	71
<b>BAB KEDUA: ORGANISASI IKHWĀN AL-ŠAFĀ'</b>	
2.1. Motif Penubuhan Ikhwān al-Šafā'	85
2.1.1. Motif politik	87
2.1.1.1. Suasana politik	88
2.1.1.2. Pertubuhan Sulit	93
2.1.1.3. Kandungan Rasā'il	94

2.1.2. Motif agama dan intelektual	98
2.1.2.1. Tokoh	99
2.1.2.2. Kandungan Rasā'il	99
2.2. Skop Politik Ikhwān al-Šafā'	102
2.2.1. Masyarakat dalam pemikiran Ikhwān al-Šafā'	102
2.2.1.1. Klasifikasi anggota masyarakat	116
2.2.1.2. Sikap Ikhwan terhadap wanita	125
2.2.2. Konsep politik Ikhwān al-Šafā'	128
2.2.3. Klasifikasi politik Ikhwān al-Šafā'	151
2.2.3.1. Politik Kenabian (al-Siyārah al-Nubuwah)	156
2.2.3.2. Politik Beraja (al-Siyārah Mulūkiyyah)	158
2.2.3.3. Politik Popular (al-Siyārah al-Āmmiyyah)	160
2.2.3.4. Politik Individu (al-Siyārah al-Khāṣṣah)	162
2.2.3.5. Politik Peribadi (al-Siyārah al-Dhātiyyah)	163
2.3. Struktur Organisasi Politik Ikhwān al-Šafā'	165
2.3.1. Struktur keanggotaan	165
2.3.2. Hirarki pentadbiran	175
2.3.3. Kongres (Majlis)	182
2.3.3.1. Kongres itu khas kepada setiap kawasan	183
2.3.3.2. Masa dan tempat diadakan kongres	185
2.3.3.3. Syarat kongres	187
2.3.3.4. Bentuk perbincangan dalam kongres	188
2.3.4. Pemilihan keanggotaan	190
2.3.5. Disiplin anggota Ikhwān al-Šafā'	204
2.3.5.1. Tolong menolong	204
2.3.5.2. Taat	208
2.3.5.3. Kebebasan berfikir	215
2.3.5.4. Menyimpan rahsia	218
2.3.5.5. Zuhud	220

## BAB KETIGA: PROGRAM IKHWĀN AL-SAFĀ'

3.1. Perancangan Dakwah	225
3.1.1. Konsep metode al-taqiyyah	230
3.1.2. Pendakwah (dā'i)	249
3.1.2.1. Syarat-syarat pendakwah (dā'i)	254
3.1.2.2. Proses Pemilihan pendakwah (dā'i)	261
3.1.2.3. Hubungan dā'i dengan pucuk pimpinan	264
3.1.3. Metode Dakwah	266
3.1.3.1. Bijaksana dan tidak kekerasan	268
3.1.3.2. Beransur-ansur	270
3.1.3.3. Menggunakan perlambangan (simbol) dan takwilan	272
3.1.4. Sasaran dakwah	277
3.1.4.1. Golongan ahli-ahli falsafah yang ragu-ragu terhadap shariat	277
3.1.4.2. Golongan yang ragu-ragu mengenai masalah jiwa (roh)	281
3.1.4.3. Golongan pekerja dan penulis	283
3.1.4.4. Golongan raja-raja dan sultan	285
3.1.4.5. Golongan cendekiawan yang lalai mengenai jiwa dan mengelekan diri menganggotainya	287
3.1.4.6. Golongan penyokong-penyokong Ikhwan	290
3.1.5. Usia sasaran dakwah	292
3.1.6. Halangan dakwah	295
3.2. Pendidikan	297
3.2.1. Konsep dan wawasan pendidikan Ikhwan	300
3.2.2. Tujuan pendidikan Ikhwan	310
3.2.2.1. Makrifah Allah dan mentauhidkanNya	313
3.2.2.2. Makrifah mengenai jiwa	315
3.2.2.3. Kejayaan diakhirat	319
3.2.2.4. Kebaikan manusia di dunia	320
3.2.3. Faktor-faktor yang mempengaruhi pendidikan	322
3.2.3.1. Faktor suasana persekitaran	323
3.2.3.2. Faktor geografi	326

3.2.3.3. Faktor Biologi	327
3.2.3.4. Faktor hukum bintang	328
 3.2.4. Metode pendidikan Ikhwān	 332
3.2.4.1. Pembersihan jiwa (Tazkiyah al-nafs)	333
3.2.4.2. Beransur-ansur	334
3.2.4.3. Daya penarik (tashwīq)	337
3.2.4.4. Pembacaan dan Perbincangan Rasa'il	338
3.2.4.5. Pengiriman Rasa'il	340
 3.2.5. Peringkat pembelajaran	 342
3.2.5.1. Peringkat bayi	342
3.2.5.2. Peringkat kanak-kanak (al-Šabī)	346
3.2.5.3. Peringkat pemuda (al-Shabāb)	352
3.2.5.4. Peringkat dewasa	354
 3.2.6. Sikap Ikhwan terhadap ilmu	 358
3.2.7. Unsur-unsur dalam pendidikan Ikhwān	365
3.2.7.1. Guru	366
3.2.7.2. Murid	373
3.2.7.3. Ilmu	376
3.2.7.4. Vokasional	382
 <b>BAB KEEMPAT: NEGARA DAN KEPIMPINANNYA MENURUT IKHWĀN AL-ŠAFĀ'</b>	
 4.1. Negara	388
4.1.1. Konsepnya	388
4.1.2. Hubungan antara negara dan agama	399
4.1.3. Negara ideal	404
 4.2. Kepimpinan Negara	409
4.2.1. Konsep kepimpinan negara menurut Ahl al-Sunnah	409
4.2.2. Konsep kepimpinan negara menurut Syiah	414
4.2.3. Konsep kepimpinan negara menurut Ikhwān al-Šafā'	418
 4.3. Ketua Negara	431
4.3.1. Nama ketua negara	431
4.3.1.1. al-Khalīfah	431
4.3.1.2. al-Imām	437
4.3.1.3. Amīr al-Mu'minīn	442

4.3.2. Keperluan kepada ketua negara	449
4.3.2.1. Dari sudut agama	456
4.3.2.2. Keperluan dari sudut pentadbiran	456
4.3.2.3. Keperluan dari sudut keguruan	457
4.3.2.4. Keperluan dari sudut kias	457
4.3.3. Syarat ketua negara	463
4.3.4. Tugas ketua negara	476
PENUTUP	482
RUJUKAN	495

## TRANLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>
'	'	Ta'lif
ب	b	Bağdād
ت	t	tarjamah
ث	th	tharwah
ج	j	jihād
ح	ħ	ħaqīqah
خ	kh	khalīfah
د	d	dawlah
ذ	dh	dhahabi
ر	r	risālah
ز	z	zahrah
س	s	siyāsah
ش	sh	shaykh
ص	ṣ	ṣabr
ض	ḍ	ḍamīr
ط	ṭ	ṭālib
ظ	z	zilāl
ق	c	cālā
غ	gh	ghālib
ف	f	firaq
ق	q	qawācid
ك	k	kitāb
ل	l	laṭā'if
م	m	minhāj
ن	n	nashr

ھ	h	hajar
و	w	wasīlah
ي	y	Yāsīn

Vokal Pendek      Contoh      Tranliterasi

a	فعل	Fa <sup>C</sup> ala
i	فعل	Fa <sup>C</sup> ila
u	فعل	Fa <sup>C</sup> ula

Vokal Panjang

ā	فاعل	Fā <sup>C</sup> ala
ī	فعيل	Fā <sup>C</sup> īl
ū	فعول	Fā <sup>C</sup> ūl

Diftong

aw	قول	qawl
ay	سيف	sayf

Vokal Berganda

aww	تطور	taṭawwur
uww	مروء	muruwrah
ayy	ايام	ayyām
iyy	سلطانية	sultāniyyah

## SENARAI SINGKATAN

<b>Cet.</b>	<b>Cetakan</b>
H.	Hijrah
hlm.	halaman
IC	Islamic Culture
Ikhwān al-Ṣafā'	Ikhwān
IJMES	International Journal of Middle East Studies
IQ	Islamic Quarterly
JSS	Journal of Semetic Studies
m	mati
MW	Muslim World
trj	terjemahan
t. Pnb	tiada penerbit
t. tmp	tiada tempat
t.t.	tiada tarikh
Vol.	Volum

## PENDAHULUAN

Telah menjadi fakta sejarah bahawa Ikhwān adalah salah satu pertubuhan sulit yang bergerak cergas di Iraq di sekitar abad keempat Hijrah. Ia membawa mesej dakwah dan intelektual secara terbuka kepada masyarakat Islam, tanpa memperlihatkan dirinya sebagai sebuah organisasi politik.

Beberapa tesis mengenai Ikhwān al-Safā' di peringkat sarjana telah dilakukan oleh ramai cendekiawan khususnya di universiti-universiti Timur Tengah. Tesis tersebut banyak menumpukan dalam bidang pendidikan seperti tesis yang ditulis oleh Nādiyah Jamāl al-Dīn yang bertajuk Falsafah al-Tarbiyyah 'Ind Ikhwān al-Safā' yang dikemukakan kepada Universiti 'Ayn al-Shams, Qahirah pada tahun 1973. Satu tesis peringkat Ph.D telah ditulis oleh Muḥammad Fu'ād Maṣūm Ḥaḍar bertajuk Ikhwān al-Safā' : Falsafatuhum wa Ghāyatuhum, tesis itu dikemukakan kepada Univeristi Dār al-Ūlūm, Qahirah pada tahun 1974. I.R. Netton juga mengemukakan tesisnya yang bertajuk Muslim Neoplatonist: An Introduction to the thought of the Brethren of Purity kepada University of Exeter England pada tahun 1976. Mungkin banyak lagi tesis-tesis yang dikemukakan kepada universiti lain yang di luar pengetahuan penulis. Ketiga-tiga contoh tesis yang disebut di atas tidak menyentuh persoalan politik

Ikhwān, cuma Netton menyebut beberapa istilah yang ada hubungan dengan politik seperti Imam dan Khalifah.

Ramai juga penulis muta'akhkhir sama ada Muslim atau non Muslim menulis dalam jurnal-jurnal ilmiah mengenai Ikhwān dalam berbagai aspek. Umumnya mereka lebih banyak menyentuh dalam aspek sejarah, dan falsafah Ikhwān yang merangkumi ilmu pengetahuan, pendidikan, akhlak, metafizik dan sebagainya yang terkandung dalam karya-karya Ikhwān. Menurut pengamatan penulis tidak ramai sarjana yang menulis atau mengkaji Ikhwān dari sudut politik. Kalau ada pun hanya sentuhan yang mendatar sahaja. Hamid Enayat telah membuat satu sorotan ringkas mengenai Ikhwān dari sudut politik.<sup>1</sup>

Ikhwān sebagai sebuah gerakan sulit, penulis berkeyakinan bahawa ianya sudah tentu ada motif politik di samping adanya motif-motif lain. Oleh yang demikian penulis ingin mengenengahkan sejauhmana wujudnya idea dan cita-cita politik Ikhwan yang ada tersirat dalam karya-karya mereka.

Tinjauan dari sudut politik ini penulis akan menganalisa struktur organisasinya, program-programnya dan beberapa konsep yang berhubung kait dengan politik. Idea dan cita-cita politik Ikhwān bukanlah suatu yang

---

<sup>1</sup>Lihat Hamid Enayat, "An Outline of the Political Philosophy of the Rasa'il of the Ikhwan al-Safa'", dalam Ismaili Contribution to Islamic Culture, edited by Sayyed Hossein Nasr, (Tehran: Imperial Iranian Academy of Philosophy, 1977), hlm. 23-47.

mudah diolah seperti idea metafizik, pendidikan, akhlak dan sebagainya yang banyak terdapat dalam karya-karya mereka kerana idea-idea tersebut dinyatakan dengan jelas, tetapi idea politik disalurkan menerusi kiasan dan simbolik dan diselitkan di sana sini dalam karya mereka. Ini kerana untuk mengelakkan dari dikesani oleh pemerintah Abbasiah yang tidak senang dengan gerakan-gerakan sulit ketika itu.

Metode kajian ini adalah berbentuk kepustakaan yang pada dasarnya berasaskan kepada karya-karya Ikhwān dan penulisan klasik, di samping mengambil kira penulisan mutaakkhir mengenai Ikhwān. Oleh kerana Ikhwān mengamalkan konsep al-taqiyyah dalam kegiatannya, maka idea-idea politiknya tersirat di sebalik yang tersurat. Dengan itu penulis meneliti setiap lambaran karya Ikhwān dengan memberi penekanan khusus apabila terdapat ungkapan yang berbentuk kiasan dan simbolik dalam karya-karya tersebut.

Kajian penulis mengenai pemikiran politik Ikhwān ini bukanlah satu analisa yang kritis (critical analysis) tetapi lebih berbentuk analisa teks (textual analysis) yang terkandung dalam karya-karya Ikhwān. Teks-teks yang menyentuh politik yang diungkapkan dalam bentuk kiasan dan simbolik itu menjadi fokus utama penulis untuk ditonjolkan bahawa Ikhwān adalah pembawa mesej politik, bukan semata-mata penyebar dakwah dan intelektual seperti yang didakwa oleh kebanyakan pengkaji.

Teks yang digunakan oleh penulis terkandung dalam tiga buah karya Ikhwān. Karya utamanya ialah Rasā'il Ikhwān al-Ṣafā' yang mengandungi empat jilid. Karya ini terdapat dalam dua edisi iaitu Qahirah dan edisi Beirut. Terdapat juga satu edisi lain iaitu edisi Bombay, tetapi edisi ini tidak ada pada penulis. Karya Ikhwān yang kedua ialah al-Risālah al-Jāmi'ah yang mengandungi dua jilid. Dan karya Ikhwān ketiga yang digunakan oleh penulis ialah Risālah Jāmi'ah al-Jāmi'ah. Berdasarkan kepada ketiga-tiga karya Ikhwān inilah penulis menganalisa idea politiknya.

Dalam rujukan penulis hanya menggunakan edisi Qahirah sahaja. Rujukan kepada Rasā'il penulis menggunakan bentuk yang ringkas sahaja. Sebagai contoh: Rasā'il 1:20, 2:50, 3:60, dan 4:70 bererti Rasā'il Vol. 1, hlm. 20, Vol. 2, hlm. 50, vol. 3, hlm. 60, dan Vol. 4, hlm. 70. Cara ini penulis mengikuti contoh apa yang dilakukan oleh beberapa sarjana seperti I.R. Netton dalam bukunya Muslim Neoplatonists, Hamid Enayat dalam Ismaili Contributions to Islamic Culture, Sayyed Hossein Nasr dalam bukunya, An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines.

Sehubungan dengan rujukan ini juga penulis meringkaskan beberapa rujukan klasik tanpa menyebut pengarangnya selepas rujukan pertama seperti al-Kāmil, al-Muntazam, al-Imtā'ah wa al-Mu'ānasah dan sebagainya. Begitu juga sesetengah buku yang judulnya panjang seperti

Muhammad Abd al-Laṭīf abd, al-Insān Fī Fikr al-Ikhwān al-Safā' diringkaskan sebagai al-Insān sahaja. Termasuk juga dalam ringkasan judul ini beberapa journal seperti "The Arrangement of the Rasa'il Ikhwan al-Safa' And the Problem of Interpolations" diringkaskan sebagai "The Arrangement" sahaja.

Dalam tujuan untuk meringkaskan juga, penulis hanya menggunakan ungkapan Ikhwān al-Šafā' sebagai Ikhwān sahaja dalam perbincang tesis ini.

Penulis berharap kajian ini sedikit sebanyak menjadi sumbangan akademik kepada jenerasi kini dan akan datang. Begitu juga sekurang-kurangnya ia menjadi bahan kajian awal dari sudut politik Ikhwān untuk satu kajian analisa yang kritis dan lebih mendalam di masa depan kepada masyarakat di Nusantara amnya dan di Malaysia khasnya, Insyā' Allah.